

Hubung Kait Antara Kesalahan Ejaan Murid Dengan Ragam Bahasa Dalam Ujaran Guru***The Relationship Between Students' Spelling Mistakes And The Variety of Language In Teacher Communication***Nur Farahkhanna Mohd Rusli¹, Norfaizah Abdul Jobar², Nur Faaizah Md Adam³**ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan hubung kait antara kesalahan ejaan murid dengan ragam bahasa dalam ujaran guru. Tumpuan difokuskan terhadap kesalahan vokal /i/ dan /u/ di akhir kata yang dilakukan murid dan kaitannya dengan ragam bahasa yang digunakan dalam ujaran lisan guru. Tiga orang guru Bahasa Melayu dan 114 orang murid tahun 1 dari Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Aziz Majid, Hulu Langat, Selangor telah dipilih sebagai responden. Data diperoleh secara kualitatif, iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan pemerhatian, dengan bantuan borang soal selidik, borang maklum balas dan alat perakam suara. Hasil kajian menunjukkan murid-murid tahun 1 menghasilkan variasi ejaan yang betul dan salah seperti 'arif', 'aref', 'kamarul', 'kamarol', 'pergi', 'pegi', 'tidur', 'tidor' dan sebagainya. Keadaan ini berlaku disebabkan ragam bahasa yang digunakan guru ketika menyampaikan proses pengajaran, iaitu ragam bahasa formal seperti [a.rif], [ka.mā.rul], [pər.gi] dan [ti.dur], dan ragam bahasa tidak formal misalnya [a.ref], [ka.mā.rol], [pə.gi] dan [ti.dor] yang menyebabkan murid-murid yang mendengar akan menulis kembali ujaran lisan yang dituturkan oleh guru. Dapatan kajian juga menunjukkan pemilihan penggunaan bahasa yang alamiah dan gangguan bahasa merupakan faktor yang menyebabkan berlakunya percampuran ragam bahasa formal dan tidak formal dalam ujaran lisan guru ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dari segi implikasi, kajian ini bertujuan memberi pendedahan tentang kepentingan mengaplikasi dan membezakan sebutan yang betul dalam konteks situasi formal untuk mengelak kekeliruan dan kesalahan ejaan kosa kata dalam bahasa Melayu, khususnya dalam kalangan murid tahun 1.

Kata kunci: kesalahan ejaan, murid, ragam bahasa, ujaran, guru

ABSTRACT

The aim of this study is to explain the relationship between students' spelling mistakes and the variety of language in teacher communication. This study focuses on the mistakes of vowel /i/ and /u/ at closed final syllable by students due to the variety of language used by the teacher.

¹ Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI, farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

² Norfaizah Abdul Jobar, Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI, norfaezah.aj@fbk.upsi.edu.my

³ Nur Faaizah Md Adam, Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI, nurfaaizah@fbk.upsi.edu.my

Three Malay Language teachers and 114 Standard One students from Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Aziz Majid, Hulu Langat, Selangor were selected as respondents. The data were gathered through qualitative study that include library research and observations, as well as questionnaires, feedback forms and voice recorder. The results show that some of Standard One students spelled words either in correct or incorrect way such as 'arif', 'aref', 'kamarul', 'kamarol', 'pergi', 'pegi', 'tidur', 'tidor' and others. This situation is caused by the variety of language in the teachers' communication in the teaching process by using standard language such as [a.rif], [ka.mā.rul], [pər.gi] and [ti.dur], or non-standard language such as [a.ref], [ka.mā.rol], [pə.gi] and [ti.dor] that had been listened by students and written back with the pronunciation that they have heard from the teacher. This study also found that teacher's natural language preferences and language disorders are all the factors that prevent them from fully teaching the standard language in the classroom. In terms of implications, this research highlights the importance of utilising the standard pronunciation in formal contexts, particularly for Standard One students, in order to avoid confusion and spelling mistakes in the Malay language.

Keywords: *spelling mistakes, students, the variety of languages, communication, teacher*

Pengenalan

Sebutan baku bahasa Melayu merupakan sebutan yang berprinsipkan pembunyian kata berasaskan fonemik, iaitu berdasarkan sistem ejaan. Berdasarkan prinsip tersebut, maka kata-kata perlu diujarkan berdasarkan ejaan seperti [bu.luh], [♦♦★r.di], [g★.n★.ra.si], [u.nīt] dan [b★.sar], dan bukannya [bu.loh], [♦♦★r.de], [dʒ★.n★.ra.si], [ɛr.u.nīt] dan [b★.sa]. Sebutan baku boleh dianggap sebagai salah satu langkah untuk mewujudkan sistem bahasa yang disebut berdasarkan ejaan dan bukannya berdasarkan kebiasaan. Penggunaan sebutan baku pada dasarnya dapat membudayakan penggunaan bahasa Melayu Tinggi. Namun, masalah timbul apabila kebanyakan penutur gagal membunyikan kata mengikut sistem ejaan yang betul. Oleh sebab itu, sistem sebutan baku telah dimansuhkan pada tahun 2000 oleh Jemaah Menteri Malaysia, namun masih boleh diguna pakai untuk pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2003). Kini, kebanyakan pengguna bahasa lebih terarah kepada sebutan berdasarkan dialek Melayu Johor-Riau termasuklah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan bahkan di institusi pengajian tinggi.

Dalam interaksi lisan, penyampai memainkan peranan penting dalam membekalkan maklumat yang tepat untuk membolehkan proses komunikasi yang berkesan, iaitu maklumat yang disampaikan dapat difahami oleh penerima. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah, guru-guru merupakan penyampai maklumat yang berperanan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid. Setiap maklumat yang disampaikan akan diguna pakai oleh murid untuk mencambah pengetahuan sedia ada, atau mempelbagaikan kemasukan input ilmu-ilmu baharu. Dalam erti kata lain, pengetahuan yang disampaikan guru menjadi sumber maklumat yang penting kepada murid. Ujaran yang dituturkan guru menjadi kayu ukur dalam membekalkan input-input yang berkesan kepada murid, terutama murid yang berada di peringkat awal persekolahan seperti murid tahun 1. Umumnya, kosa kata yang dikuasai oleh murid pada usia ini masih terhad dan masih bergantung kepada individu di sekeliling mereka seperti ibu bapa,

keluarga dan guru untuk membekalkan pelbagai kosa kata baharu dalam sistem kebahasaan murid-murid tersebut.

Oleh itu, dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, peranan guru sangat penting dengan menuturkan ujaran yang betul dan tepat tanpa mencampuradukkan penggunaan bahasa yang tidak tepat dan gramatis. Hal ini penting bagi mengelak kekeliruan dalam kalangan murid dalam mentafsir ujaran guru. Dalam konteks komunikasi lisan misalnya, kata seperti 'mata' dan 'pasir' cenderung diujarkan sebagai [mã.tə] dan [pa.se] yang memperlihatkan perubahan bunyi di akhir kata, iaitu bunyi vokal /a/ dan /i/ yang menyimpang daripada sistem fonemik asal yang seharusnya diujarkan sebagai [mã.ta] dan [pa.sir], iaitu bunyi [a] dan [i]. Dari aspek penulisan, jika ujaran [mã.tə] dan [pa.se] yang digunakan, maka kecenderungan murid untuk mengeja kata yang didengari sebagai 'mate' dan 'pase' dengan menggunakan vokal /e/ adalah sangat tinggi. Bagi mengelak masalah ini berlaku, maka kajian ini dilakukan untuk memberikan penekanan kepada guru agar mempraktikkan cara sebutan yang betul dalam konteks formal, malah dapat memberi sumbangan idea kepada ibu bapa tentang kepentingan ujaran yang tepat yang bukan sahaja mempengaruhi cara pertuturan kanak-kanak, sebaliknya turut mempengaruhi pemerolehan kosa kata baharu dalam sistem bahasa kanak-kanak itu sendiri.

Kajian Literatur

Sistem ejaan bahasa Melayu di Malaysia sememangnya telah mengalami pelbagai perubahan yang rencam sejak sistem ejaan Jawi (sebelum 1812) dan sistem ejaan Rumi (selepas 1812) diperkenalkan. Sistem ejaan Rumi itu sendiri misalnya telah mengalami sembilan kali perubahan dengan menghasilkan beberapa sistem ejaan antaranya ejaan Marsden (1812), ejaan Van Ophuijsen (1901), ejaan Wilkinson (1902), ejaan Fajar Asia (1942-1945), ejaan Suwandi (1947), ejaan Za'ba (1949), ejaan Kongres (1956-1957), ejaan Malindo (1959) dan ejaan MBIM (1972) yang kemudiannya diubah menjadi MABBIM, iaitu Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia. Berdasarkan perkembangan tersebut, jelas dilihat bahawa timbul kesukaran untuk mewujudkan sistem ejaan standard yang sempurna dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, bahasa Melayu merupakan sebuah bahasa yang terbuka kepada pembaharuan terutama dalam bidang sains dan teknologi. Oleh itu, pengubahsuaian dari semasa ke semasa perlu dilakukan bagi menghasilkan kosa kata bahasa Melayu yang mantap.

Selain itu, kepentingan menguasai sistem ejaan yang tepat turut ditegaskan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui usahanya yang telah mewujudkan laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) bertujuan memudahkan pengguna bukan sahaja untuk mengetahui definisi kosa kata tertentu, malah turut memberi panduan tentang cara ejaan perkataan yang terdapat dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu dengan tepat. Malahan juga, pihak DBP turut mengambil inisiatif mewujudkan laman sesawang *Facebook* dengan memuat naik ruangan *Lembar Bahasa Kesilapan Ejaan* dengan konsep 'Biasakan yang betul, dan betulkan yang biasa' bertujuan membantu pengguna menguasai sistem ejaan kosa kata yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Oleh yang demikian, para guru seharusnya memberi sokongan terhadap usaha ini dengan mengelakkan penggunaan ragam bahasa yang tidak bersesuaian ketika menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini penting bagi mengelakkan kesalahfahaman ejaan oleh murid-murid ketika mengeja suatu kata berdasarkan ujaran guru kerana jika diteliti, terdapat banyak perbezaan sebutan antara ragam bahasa formal dan tidak formal, terutama jika guru menggunakan dialek dalam komunikasinya. Maka, hal ini dikhuatiri akan mengganggu proses penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid.

Bahasa standard bukanlah bentuk bahasa yang ideal (Asmah Omar, 1999). Sebaliknya, ia merupakan kerangka rujukan dengan tujuan suai-kesan, dalam usaha pengguna-pengguna mencari norma atau pedoman. Bahasa standard tidak membawa identiti prestij sosial, tetapi lebih kepada identiti alam persekolahan dan terpelajar. Oleh itu, konsep bahasa tinggi dan bahasa rendah perlu ditafsirkan dengan lebih cermat oleh guru-guru sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Rendy Aditya (2017) berpendapat jika seseorang melafazkan pertuturan dengan cara yang salah, maka maksud yang ingin disampaikan juga turut difahami dengan cara yang salah. Dalam konteks hubungan antara ragam bahasa dalam ujaran guru dan kesalahan ejaan oleh murid, jika guru tidak menuturkan suatu perkataan dengan tepat, maka perkataan yang didengari akan dieja dengan cara yang salah oleh murid, sebagaimana yang dituturkan oleh guru. Jelaslah bahawa penggunaan bahasa dalam konteks formal dan tidak formal perlu dibezakan oleh guru supaya variasi bahasa ini tidak disalah tafsir, bahkan disalah guna oleh murid semasa sesi pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Pada masa yang sama, keadaan ini dapat mendedahkan murid bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam penggunaan bahasa Melayu, iaitu sistem tulisan yang digunakan tidak semestinya dieja dengan tepat berdasarkan ujaran yang dituturkan.

Bagi Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin dan Khairul Azam Bahari (2018), ketidakpatuhan menggunakan bahasa Melayu tinggi perlu ditangani supaya keupayaan berbahasa dalam kalangan pendidik terutama untuk mata pelajaran bahasa Melayu dapat dipertingkatkan. Dalam kajiannya, beliau menjelaskan sosiofonologi dipengaruhi oleh faktor sosial dan penggunaan bahasa Melayu ragam biasa oleh penutur. Kesannya, ujaran penutur akan berubah seperti kata 'nasi' diujarkan sebagai [nāsi?] dan kata 'besar' diujarkan sebagai [bəsa]. Kajian tersebut telah dapat menjelaskan faktor sosiofonologi tersebut disebabkan oleh proses penambahan dan pengguguran fonem. Sungguh pun demikian, perubahan bunyi yang berlaku dari segi faktor sosiofonologi ini boleh dijelaskan secara empirikal dengan penerapan rumus-rumus fonologi dan fitur distingtif. Kajian Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2017) turut menjelaskan pengaruh sosial seperti faktor persekitaran dan rakan sebaya telah mempengaruhi penggunaan dialek daerah dalam kalangan penutur ketika berkomunikasi. Kesannya, percampuran penggunaan dialek daerah dan bahasa Melayu standard akan mempengaruhi prestasi atau pencapaian terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, maka kajian ini akan menganalisis hubungan kait antara kesalahan ejaan murid dengan ragam bahasa yang dituturkan oleh guru yang difokuskan terhadap murid tahun satu.

Pernyataan Masalah

Kajian Idris Aman dan Shahidi Abd. Hamid (2001) terhadap pelajar tingkatan enam di tiga buah sekolah yang terdiri daripada pelajar Melayu, Cina dan India menjelaskan bahawa dalam konteks bacaan teks iaitu, bacaan daftar kata, bacaan petikan dan bacaan wawancara, didapati bahawa pemboleh ubah kenatifan tidak mempengaruhi perubahan fonologi terhadap

vokal /a/, /i/ dan /u/ secara ketara, kecuali bunyi konsonan /r/. Ertinya, dalam konteks bacaan teks, perubahan bunyi terhadap ketiga-tiga vokal tersebut adalah minimum jika dibandingkan dengan perubahan terhadap konsonan /r/ yang lebih kerap mengalami perubahan bunyi (pengguguran). Dalam hal ini, perlu difahami bahawa kajian tersebut berfokus kepada sebutan berdasarkan bacaan teks. Kedua-duanya merumuskan bahawa dalam gaya bahasa berteks, fenomena sebutan baku boleh dianggap berjaya berbanding dengan penggunaan dialek atau ragam bahasa biasa. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk meninjau gaya bahasa dalam bentuk ujaran lisan sebenar kerana dalam ujaran lisan, pelbagai bunyi dapat dihasilkan secara tidak berstruktur atau secara spontan, sekali gus menunjukkan variasi bunyi yang dihasilkan oleh penutur.

Bagi Asmah Omar (2010), dalam konteks ujaran lisan yang sebenar, tidak ada penutur asli bahasa Melayu Semenanjung yang mengucapkan bunyi vokal 'i' dalam contoh seperti 'balik', 'alih', 'manis', tertib' 'kulit' sebagai vokal tinggi [i] seperti yang dituturkan oleh masyarakat Indonesia dan Brunei, sebaliknya vokal tersebut diujarkan sebagai vokal [e]. Begitu juga dengan bunyi vokal 'u' contohnya dalam kata 'masuk', 'taruh', 'tebus', 'maklum', tidak ada penutur asli bahasa Melayu yang membunyikan 'u' sebagai vokal tinggi [u] sebaliknya vokal tersebut diujarkan sebagai [o]. Dalam kajiannya, Asmah Omar (2010) merumuskan bahawa jika vokal 'i' dan 'u' hadir sebelum konsonan, maka kedua-dua vokal tersebut tidak diujarkan sebagai [i] dan [u], sebaliknya diujarkan sebagai [e] dan [o]. Keadaan ini jelas menunjukkan punca yang mendorong penutur termasuklah golongan pendidik yang menggunakan ragam bahasa kelainan [e] dan [o] kerana situasi kebahasaan ini telah dianggap sebagai suatu norma dan kebiasaan yang sering digunakan dalam pertuturan.

Bagi Ahmad Omar (2006), pengaruh dialek dalam ujaran boleh menjejaskan penguasaan penulisan pelajar. Beliau menjelaskan terdapat hubungan yang signifikan antara kelemahan sebutan yang disebabkan oleh pengaruh dialek tempatan. Di Dungun, Terengganu misalnya, faktor sosiofonologi telah mempengaruhi cara sebutan perkataan yang mengandungi vokal /a/, vokal /i/ dan vokal /u/. Beliau menjelaskan faktor sosiofonologi dalam pertuturan telah menyebabkan vokal /a/ di akhir kata diujarkan sebagai [e] manakala vokal /a/ yang berada di tengah kata diujarkan sebagai [o]. Tambahnya lagi, vokal /i/ di tengah kata akan diujarkan sebagai [e] manakala vokal /u/ di akhir kata diujarkan sebagai [o].

Dalam kajian Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin dan Khairul Azam Bahari (2018), faktor sosiolinguistik sememangnya mendorong kepada perubahan ujaran, iaitu dari segi penambahan dan pengguguran fonem. Sebagai contoh, penutur menambah fonem dalam suatu kata misalnya perkataan 'bapa' dan 'juga' diujarkan sebagai [bapaʔ] dan [juʒaʔ]. Dari segi pengguguran pula, pengkaji berpendapat penutur cenderung menggugurkan fonem tertentu ketika mengujarkan suatu kata contohnya perkataan 'lah' dan 'besar' diujarkan sebagai [la] dan [bəsə]. Keadaan ini jelas menunjukkan keupayaan penggunaan bahasa Melayu baku masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Tambahan pula, kajian yang dilakukan melibatkan responden dalam kalangan guru pelatih di salah sebuah institusi pengajian awam di Malaysia. Pada dasarnya, guru pelatih yang bakal menjadi guru pada masa hadapan perlu menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu Tinggi yang betul kerana kebiasaan ujaran seperti ini dikhuatiri akan menjadi kebiasaan ketika menyampaikan pengajaran kepada murid kelak.

Seterusnya, faktor sosiolinguistik turut dijelaskan oleh Darwis Harahap (1989) yang berpendapat bahasa daerah atau dialek masih digunakan secara berleluasa di sekolah. Tambah beliau, bukan sahaja penggunaan dialek, malah penggunaan bahasa asing yang sering

digunakan dalam masyarakat dan dalam media massa telah menyulitkan proses pembelajaran lisan yang seragam. Keadaan ini jelas mempengaruhi ragam bahasa yang digunakan oleh guru kerana kebarangkalian menggunakan dialek atau bahasa bukan baku dalam konteks pembelajaran dan pengajaran secara formal di sekolah adalah pada tahap yang tinggi.

Dalam buku *Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu* (1988), telah dijelaskan bahawa kaedah sebutan baku merupakan sebutan kata berdasarkan ejaan, iaitu setiap huruf dilafazkan menurut nilai bunyinya. Berdasarkan konsep tersebut, murid tahun 1 khususnya yang masih belum didedahkan dengan cara ejaan yang tepat akan mengeja perkataan berdasarkan sebutan guru. Jika guru menjadikan ragam bahasa tidak formal sebagai kayu ukur penyampaian ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan, maka murid boleh menyalah tafsir sebutan yang didengari daripada guru itu sendiri. Oleh itu, penting untuk para guru memaklumkan cara ejaan yang tepat, dan dalam konteks lisan, guru digalakkan menggunakan bahasa baku yang betul supaya murid pada usia tujuh tahun khususnya tidak terkeliru untuk mengeja perkataan.

Dalam konteks pendidikan, matlamat pengajaran sesuatu bahasa adalah untuk melahirkan pelajar yang berketerampilan dalam keempat-empat kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis. Bagi Indhumathy Munusamy (2013), beliau berpendapat bahawa guru perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan penguasaan mereka sendiri dalam bahasa Melayu. Namun, beliau menjelaskan guru jarang menggunakan bahasa Melayu dengan tepat dalam pengajaran dan pembelajaran mereka kerana kebanyakannya lebih selesa menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk menjelaskan hubung kait antara kesalahan ejaan murid tahun satu dengan ragam bahasa yang dituturkan guru yang difokuskan kepada kesalahan bunyi vokal /i/ dan /u/.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut, iaitu:

1. Mengenal pasti kesalahan ejaan murid berdasarkan ragam bahasa dalam ujaran lisan guru.
2. Menjelaskan kesalahan ejaan murid berdasarkan ragam bahasa yang diujarkan oleh guru.

Metodologi

Reka Bentuk dan Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian dalam pengumpulan data. Kaedah kepustakaan membolehkan kajian tentang ragam bahasa, kesalahan ejaan murid dan ujaran lisan dirujuk daripada buku, tesis, jurnal, artikel, dan buletin. Kaedah ini dapat membantu mengenal pasti kelompangan yang mendorong pembentukan permasalahan, objektif, dan persoalan kajian. Seterusnya, kaedah pemerhatian yang diterapkan dalam kajian ialah pemerhatian turut serta, iaitu penyelidik pergi ke Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Aziz Majid, Hulu Langat, Selangor. Mengambil kira faktor bahawa “Penglibatan, pemerhatian

serta rakaman video terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid di dalam bilik darjah tidak dibenarkan" atas arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), maka kaedah pemerhatian yang dilakukan dirincikan seperti berikut:

- i. Memohon kebenaran daripada guru besar dan guru-guru bahasa Melayu tahun 1 untuk melibatkan mereka dalam penyelidikan.
- ii. Memaklumkan kepada guru-guru bahawa alat rakaman audio akan ditinggalkan di dalam kelas untuk merakam ujaran lisan guru sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung tanpa keberadaan penyelidik di dalam kelas.
- iii. Memohon jasa baik guru-guru untuk mengujarkannya senarai perkataan yang telah disediakan di dalam borang soal selidik, dan meminta murid mengeja perkataan tersebut dan menuliskannya di dalam borang maklum balas yang disediakan.
- iv. Setelah sesi pengajaran dan pembelajaran selesai, penyelidik mengambil kembali alat perakam audio dan mengumpul semula semua dokumen untuk dianalisis.

Lokasi dan Informan Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Aziz Majid yang terletak di daerah Hulu Langat, Selangor. Sekolah tersebut dipilih kerana terletak di kawasan pedalaman, merupakan sekolah rendah dengan golongan sasarannya berfokus kepada murid tahun 1. Pensampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah pensampelan bertujuan, iaitu pemilihan informan dibuat bertujuan untuk menjawab permasalahan dan objektif kajian. Penyelidik sudah mempunyai tujuan dan sasaran, maka informan yang dipilih mempunyai kriteria yang telah ditetapkan. Untuk keterangan lanjut, berikut diringkaskan kriteria persampelan untuk kajian ini:



Rajah 1: Ringkasan Persampelan Kajian

Instrumen Kajian

Terdapat beberapa instrumen yang digunakan untuk mengumpul data. Pertama, buku teks tahun 1. Buku teks dijadikan sebagai rujukan untuk membina soal selidik berdasarkan tema-tema yang bersesuaian dengan murid tahun 1. Kedua, alat perakam audio yang digunakan untuk merakam ujaran guru bertujuan mendapatkan ujaran yang digunakan guru ketika

mengajar di dalam kelas. Ketiga, borang soal selidik berstruktur, iaitu soalan yang diiringi pilihan jawapan bertujuan mendapatkan data tentang demografi guru. Keempat, teks senarai perkataan yang mengkehendaki guru mengujarkan perkataan yang telah disenaraikan secara lisan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Perkataan yang dituturkan kemudiannya akan dieja oleh murid. Terdapat tiga teks senarai perkataan yang dibina berdasarkan enam tema yang terdapat di dalam buku teks tahun 1, dengan satu teks senarai perkataan terdiri daripada dua tema. Setiap tema terdiri daripada 20 soalan seperti yang dirincikan dalam jadual dan rajah berikut:

Jadual 1: Kandungan Teks Senarai Perkataan

Set	Guru	Tema
A	1	Tema 1 (<i>Keluarga Penyayang</i>) Tema 2 (<i>Masyarakat Muhibah</i>)
B	2	Tema 3 (<i>Pentingkan Kebersihan dan Kesihatan</i>) Tema 4 (<i>Keselamatan</i>)
C	3	Tema 5 (<i>Negaraku Tercinta</i>) Tema 6 (<i>Sains, Teknologi Dan Inovasi</i>)

Bahagian B : Pertuturan Terkawal (Ujaran oleh Guru-guru bahasa Melayu Tahun 1)

Soal selidik ini dibina berdasarkan 8 tema yang terdapat di dalam buku teks tahun 1. Oleh itu, soal selidik ini akan dipecahkan kepada empat set (Set A, B, C dan D) bertujuan menghasilkan variasi data ujaran informan, iaitu berdasarkan ayat-ayat mengikut tema-tema yang terkandung di dalam buku teks tahun 1.

SET A: TEMA 1 (KELUARGA PENYANG) & TEMA 2 (MASYARAKAT MUHIBAH)

Arahan: Mohon jasa baik anda mengujarkan ayat-ayat berikut secara spontan kepada murid-murid untuk membolehkan mereka mengeja ayat tersebut.

1. Arif belajar menulis
2. Dia menulis perkataan
3. Ibu mengajar Arif menulis
4. Arif pergi ke taman botani
5. Dia pergi dengan keluarga
6. Di sana ada bangau dan arnab
7. Ahmad bermain buaian
8. Kakak pula berjalan di denai
9. Nenek menyediakan kelupis

Rajah 2: Contoh Teks Senarai Perkataan untuk Guru Pertama (Set A: Tema 1 dan 2)

Seterusnya, instrumen kelima ialah borang maklum balas. Borang maklum balas digunakan untuk mengumpul data tentang kesalahan ejaan murid. Murid akan menggunakan borang maklum balas dengan mengeja senarai perkataan yang diujarkan oleh guru. Berdasarkan borang maklum balas, penyelidik boleh menilai pola kesalahan ejaan yang dilakukan oleh murid. Akhir sekali ialah buku catatan. Buku catatan akan digunakan untuk merekod maklumat yang berkaitan dengan kajian, terutama data yang diperoleh melalui kaedah kepustakaan.


Pengumpulan dan Penganalisan Data

Kajian ini dimulakan dengan membina pernyataan masalah, objektif dan menentukan jenis pendekatan yang akan digunakan untuk menganalisis data. Prosedur kajian beralih kepada pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan dengan merujuk sumber bertulis seperti buku, artikel, tesis, jurnal dan sebagainya tentang isu yang dikaji. Data juga dikumpul melalui kerja lapangan berdasarkan kaedah pemerhatian dengan bantuan alat perakam, borang soal selidik, borang maklum balas dan buku catatan. Setelah semua data diperolehi, borang maklum balas yang mengandungi senarai ejaan yang ditulis oleh murid akan dianalisis untuk mengenal pasti pola jenis kesalahan ejaan yang dilakukan. Kesalahan ejaan akibat ragam bahasa yang digunakan oleh guru akan dianalisis dan dijelaskan secara terperinci. Di peringkat akhir, rumusan akan dilakukan selain mengemukakan implikasi dan cadangan yang berkaitan dengan kajian.

Analisis dan Dapatan

Demografi Murid

Responden kajian terdiri daripada seramai 114 murid tahun 1 berumur tujuh tahun berbangsa Melayu, terdiri daripada 43 orang atau 38 peratus murid lelaki, 70 orang atau 61 peratus murid perempuan (seorang atau satu peratus tidak diketahui jantina kerana tidak melengkapkan soalan bahagian jantina). Ringkasan maklumat murid ditunjukkan dalam rajah 3:



Rajah 3: Bilangan Murid

Demografi Guru

Kajian ini melibatkan tiga orang guru yang mengajar bahasa Melayu tahun 1. Berikut dirincikan maklumat lanjut tentang demografi ketiga-tiga responden:

Jadual 2: Demografi Guru

Guru	Umur	Kelulusan	Tempoh	Kampung	Bahasa	Bahasa
------	------	-----------	--------	---------	--------	--------

	(Tahun)	Akademik	Perkhidmatan	Halaman	Pertama	Kedua
1	50-59	Diploma	20-30	Johor Bharu	BM	BI
2	50-59	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	20-30	Terengganu	BM	BI
3	50-59	SRP/SPM	30 tahun ke atas	Selangor	BM	BI

Tiga orang guru Bahasa Melayu tahun 1 terlibat dalam kajian ini, ketiga-tiganya merupakan guru perempuan berbangsa Melayu berusia 50 ke 59 tahun. Berdasarkan jadual 1, guru pertama berasal dari Johor Bharu, guru kedua dari Terengganu dan guru ketiga dari Selangor. Bahasa pertama ketiga-tiga guru ialah bahasa Melayu, manakala bahasa kedua ialah bahasa Inggeris. Latar belakang pendidikan menunjukkan setiap individu mempunyai kelulusan akademik berbeza-beza seperti diploma, ijazah sarjana muda pendidikan dan SRP/SPM.

Kesalahan Ejaan Murid Berdasarkan Ragam Bahasa dalam Ujaran Lisan Guru


Berdasarkan jawapan daripada borang maklum balas, terdapat pelbagai variasi ejaan yang dihasilkan murid berdasarkan sebutan guru. Namun, fokus perbincangan ini akan bertumpu kepada kesalahan ejaan vokal tinggi [i] dan [u] yang ditulis murid di dalam borang maklum balas. Ejaan kesalahan bagi kata-kata yang mempunyai vokal tinggi [i] dan [u] di suku kata akhir tertutup yang ditulis oleh murid telah dikenal pasti dan disenaraikan seperti berikut:


Jadual 3: Perubahan [i] kepada 'e' di Suku Kata Akhir Tertutup

Ejaan/ Ujaran yang Betul	Ejaan yang ditulis Murid	Responden (Murid)	Ujaran Guru	Responden (Guru)	Minit Ujaran
arif [a.rif]	aref	M11, M12	[a.ref]	G1 Set A, No.1	0:39 & 7:36
murid- murid [mũ.rid- mũ.rid]	mure-mure, murek-murek, muren-muren, mured-mured, muret-muret	M41, M45, M46, M47, M50, M60, M68, M69, M70	[mũ.red- mũ.red]	G2 Set B, No.7	31:24 & 33:02
cantik [ʃan.tiʔ]	canteng, cnte	M102, M104	[ʃan.teʔ]	G3 Set C, No.6	24:55 & 24:58
menarik [mẽ.nã.riʔ]	menarer	M108	[mẽ.nã.reʔ]	G3 Set C, No.15	47:32 & 47:38

(M=murid, G=guru)

Berikut pula adalah sebahagian daripada contoh jawapan yang ditulis murid di dalam borang maklum balas yang telah dikembalikan:





Rajah 4: Contoh Jawapan Perubahan [i] kepada 'e' oleh Murid

Data menunjukkan terdapat murid yang salah mengeja perkataan tertentu seperti *‘aref’, *‘mured-mured’ dan *‘cnte’ dengan mengubah vokal ‘i’ di suku kata akhir tertutup kepada vokal ‘e’. Pada dasarnya, murid menulis vokal ‘e’ disebabkan ujaran guru yang menghadirkan bunyi vokal [e] ketika bertutur. Sebagai contoh, data dalam jadual 2 menunjukkan ketika guru pertama (G1) membaca teks senarai perkataan yang mengandungi vokal ‘i’ di suku kata akhir tertutup, guru tersebut tidak membunyikan vokal ‘i’ sebagai [i], sebaliknya mengujarkannya sebagai [e]. Misalnya, guru tidak mengujarkan perkataan ‘arif’ menurut bunyi sebutan Melayu Baku, iaitu [a.rif], sebaliknya guru mengujarkan perkataan tersebut sebagai [a.ref] yang jelas menunjukkan proses perendahan vokal berlaku, iaitu perubahan /i/ kepada [e] di suku kata akhir tertutup. Begitu juga dengan perkataan ‘murid-murid’. Ujaran G2 telah menghadirkan bunyi [e] di suku kata akhir perkataan tersebut menyebabkan murid-murid yang mendengarnya mengeja perkataan tersebut sebagai *‘mure-mure’, *‘murek-murek’, *‘muren-muren’, *‘mured-mured’ dan *‘muret-muret’. Jelaslah bahawa, murid menulis kembali bunyi yang didengari mereka, iaitu yang diujarkan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.


Jadual 4: Perubahan [u] kepada ‘o’ di Suku Kata Akhir Tertutup

Ejaan/ Ujaran yang Betul	Ejaan yang ditulis Murid	Responden (Murid)	Ujaran Guru	Responden (Guru)	Minit Ujaran
kamarul [ka.mã.rul]	tamarol, kamarol, kamaro	M39, M51, M56, M57, M58, M59, M60, M66. M71, M72,	[ka.mã.rol]	G2 Set B, No.1	6:07 & 6:13

		M74, M77			
selimut [sə.li.mūt]	selimot, selimon,	M39, M48, M51, M60, M69, M71	[sə.li.mōt]	G2 Set B, No.2	11:54 & 14:17
tidur [ti.dur]	tidor	M48, M51, M57, M62, M69, M71	[ti.do]	G2 Set B, No.1	6:46 & 6:53
membasuh [mãm.ba.suh]	membasoh, mebasoh	M48, M49, M51, M71, M72	[mãm.ba.soh]	G2 Set B, No.12	56:09 & 57:29
beratur [bə.ra.tur]	beator, berator, meato, beato, meraton	M84, M91, M96, M98, M99, M102	[bə.ra.tor]	G3 Set C, No.8	28:53 & 29:03

(M=murid, G=guru)

Berikut pula adalah contoh-contoh jawapan yang ditulis murid di dalam borang maklum balas yang telah dikembalikan:



Rajah 5: Contoh Jawapan Perubahan [u] kepada 'o' oleh Murid

Data menunjukkan terdapat murid mengeja beberapa perkataan sebagai *'kamarol', *'tidor', *'membasoh', *'berator' dan *'beros' dengan mengubah vokal 'u' di suku kata akhir tertutup kepada vokal 'o'. Sama seperti yang berlaku terhadap vokal /i/ kepada 'e', murid menulis vokal 'o' disebabkan ujaran guru yang menghadirkan bunyi [o] ketika bertutur. Sebagai contoh, data dalam jadual 3 menunjukkan ketika guru G2 membaca teks senarai perkataan

yang mengandung vokal 'u' di suku kata akhir tertutup, guru tersebut tidak membunyikan vokal 'u' sebagai [u], sebaliknya guru mengujarkannya sebagai [o]. Misalnya, guru tidak mengujarkan perkataan 'kamarul' sebagai [ka.mã.rul], sebaliknya guru mengujarkannya sebagai [ka.mã.rol] yang jelas menunjukkan proses perendahan vokal berlaku, iaitu perubahan /u/ kepada [o] di suku kata akhir tertutup. Ertinya, murid menulis kembali bunyi yang didengari mereka, iaitu ujaran guru.

Menurut Asmah Omar (2010), baku ialah kelainan bahasa yang sudah dibakukan, iaitu 'dikodifikasikan'. Ertinya, penentuan kod-kod (unsur dan lambang) dalam bahasa tertentu supaya kod-kod ini sahaja yang perlu diterima dan digunakan, dan kod-kod ini sahaja yang menjadi kerangka rujukan untuk bahasa yang baik yang digunakan dalam komunikasi formal. Jika terkeluar daripada kod-kod tersebut maka dianggap bukan baku. Kod-kod ini meliputi semua sistem bahasa termasuklah ejaan, sebutan, nahu dan perbendaharaan kata. Tambah Idris Aman dan Shahidi Abd. Hamid (2001), sebutan baku ialah setiap huruf dilafazkan menurut nilai bunyinya.

Idris Aman dan Shahidi Abd. Hamid (2001) menjelaskan penggunaan bahasa tidak baku telah menjadi amalan dalam kalangan penutur natif bahasa Melayu, sama ada dalam gaya berteks (membaca teks) atau tanpa teks. Tambahnya, faktor pilihan sistem sebutan oleh penutur adalah cenderung ke arah penggunaan bahasa yang alamiah berbanding dengan yang tidak alamiah. Hal ini sejajar dengan prinsip *ease of articulation* atau *economy of effort* yang dinyatakan oleh Asmah (1995) dan Hyman (1975) yang bertujuan memudahkan kelancaran suatu sebutan sejajar dengan hakikat penutur yang cenderung ke arah penjimatan usaha.

Tambah Idris Aman dan Shahidi Abd. Hamid (2001), pengartikulasian vokal kedua di lingkungan suku kata kedua tertutup memperlihatkan kedudukan lidah yang lebih rendah berbanding semasa pengartikulasian vokal pertama yang memerlukan sedikit usaha dengan lidah diangkat setinggi mungkin ke arah bumbung mulut. Oleh sebab vokal dalam suku kata kedua lebih rendah berbanding vokal dalam suku kata pertama, maka pola /i – e/ dan /u – o/ lebih lazim diguna pakai oleh penutur bahasa Melayu berbanding pola /i – i/ dan /u – u/. Oleh sebab itu guru-guru cenderung menghadirkan vokal [e] dan [o] dalam ujaran, ditambah lagi dengan kebiasaan menggunakan ragam bahasa tidak formal ketika berkomunikasi.

Pada dasarnya, ragam bahasa ialah kepelbagaian penggunaan bahasa mengikut konteks. Dalam bahasa Melayu, terdapat pelbagai jenis ragam bahasa antaranya bahasa formal, bahasa tidak formal, bahasa sindiran, bahasa mengiat, bahasa mengejek, bahasa terbalik, bahasa merajuk, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa melampau, bahasa merendah, bahasa naik, bahasa berulang, dan bahasa mengeluh. Dalam kajian ini, hasil kajian menunjukkan di peringkat formal, iaitu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, guru-guru dilihat turut menggunakan ragam bahasa tidak formal ketika mengajar. Ragam bahasa ini perlu dielakkan, sebaliknya di institusi berbentuk formal termasuklah di peringkat sekolah, ragam bahasa formal perlu diguna pakai secara menyeluruh dan efektif. Guru-guru perlu mengambil kira ketepatan sebutan, intonasi, pilihan perkataan dan sebagainya supaya bahasa yang digunakan bukan sahaja gramatis, namun teratur, lengkap dan memberi gambaran yang beradab dan hormat dalam konteks formal.

Berbeza dengan ragam bahasa tidak formal yang biasa digunakan dalam komunikasi tidak rasmi, struktur bahasanya berbeza kerana pada dasarnya ia sememangnya digunakan dalam situasi yang tidak rasmi atau perbualan biasa. Strukturnya tidak menitikberatkan sebutan, intonasi dan pilihan perkataan yang betul selain tidak mementingkan aspek

kesempurnaan sesuatu bahasa. Ragam bahasa tidak formal juga memperlihatkan fenomena percampuran kod, yang merupakan salah satu ciri paling menonjol dalam penggunaan ragam bahasa tidak formal. Jelas bahawa, penggunaan ragam bahasa jenis ini ketika menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid boleh menyebabkan bahasa yang diterima oleh murid merupakan bahasa yang tidak gramatis kerana risiko penggunaan slanga, percampuran kod, bahasa basahan yang terdapat dalam ragam bahasa tidak formal dalam kalangan guru adalah sangat tinggi kerana ragam bahasa ini merupakan ragam bahasa yang sering digunakan dalam komunikasi seharian.

Tambahan juga, faktor kekacauan atau gangguan bahasa akibat pengaruh slanga dan bahasa basahan turut mempengaruhi ujaran lisan guru. Seperti yang dijelaskan oleh Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin dan Khairul Azam Bahari (2018), bahasa basahan cenderung diucapkan dalam perbualan harian dan keadaan ini mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu tinggi (BMT) dalam situasi formal. BMT dari sudut neka bahasa bercirikan bahasa yang terkawal dengan mengambil kira segala aspek bahasa termasuklah sebutan dan intonasi yang betul. Tambah pengkaji, BMT ialah neka bahasa formal manakala bahasa Melayu rendah (BMR) merupakan neka bahasa yang mesra. Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin dan Khairul Azam Bahari (2018) berpendapat dalam konteks rasmi, iaitu di dalam bilik darjah, pendidik, murid atau pelajar perlu menggunakan BMT berbanding BMR. Hal ini bertujuan mematuhi cara yang betul dan tepat dalam mengartikulasikan perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu dengan menggunakan sebutan baku. Jika kepatuhan ini tidak dipatuhi, maka akan berlaku penghasilan variasi bunyi akibat pelaksanaan proses-proses fonologi termasuklah perubahan fonem, dan dalam konteks ini perubahan daripada vokal tinggi [i] dan [u] kepada vokal [e] dan [o].

Mashetoh Abd. Mutalib (2014) dalam kajiannya turut menjelaskan situasi kebahasaan masyarakat Melayu diwarnai dengan kepelbagaian penggunaan bahasa Melayu itu sendiri, iaitu bahasa Melayu formal dan bahasa Melayu tidak formal (dialek, bahasa pasar, bahasa basahan dan sebagainya). Kepelbagaian ini akan dipilih dan digunakan dalam pertuturan formal atau tidak formal. Jika penutur telah biasa menggunakan ragam bahasa biasa (bahasa tidak formal, bahasa mesra, bahasa basahan) dalam pertuturan termasuklah dalam situasi formal, maka kebiasaan tersebut akan mempengaruhi ujaran guru ketika menyampaikan pengajaran. Ertinya, jika pendidik biasa menggunakan ragam bahasa mesra dengan menghadirkan bunyi [e] dan [o] bagi perkataan-perkataan yang mengandungi vokal [i] dan [u] di suku kata akhir tertutup, maka kebiasaan tersebut secara tidak langsung akan diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan penggunaan bahasa Melayu baku yang betul dikesampingkan.

Dalam proses pembelajaran, Hanita Mohd Yusoff dan Norzaini Azman (2018) menjelaskan murid menggunakan strategi pemprosesan mendalam, iaitu proses yang dikaitkan dengan elaborasi kognitif bahan yang dipelajari. Murid yang mengalami pemprosesan mendalam ini mempunyai fahaman dan pengekalannya bermakna terhadap bahan yang dipelajari. Oleh yang demikian, jika situasi kesalahan ejaan terus berlaku akibat ujaran guru yang tidak tepat, maka dikhuatiri keadaan ini akan terus berlanjutan untuk jangka masa yang lama kerana murid dapat mengingat dengan jelas cara mengeja suatu perkataan walaupun ejaan tersebut salah. Sehubungan dengan itu, menjadi tanggungjawab guru dalam (i) menuturkan ujaran yang tepat menurut sebutan baku supaya ejaan yang dieja murid betul, dan (ii) menyemak latihan yang dilakukan murid dan membetulkan kesalahan ejaan yang berlaku untuk peneguhan supaya kesalahan yang sama tidak kekal dalam memori murid dan seterusnya mengelak daripada melakukan kesalahan yang sama berulang kali.

Pada dasarnya, pemerhatian terhadap rakaman audio ada menunjukkan sebahagian murid menerapkan strategi kemahiran mendengar apabila mereka mendengar dengan teliti apa yang diujarkan guru (Rozana Jaafar, 2020). Setelah melalui proses tersebut, murid akan meminta pertolongan daripada guru dan rakan-rakan sekelas sekiranya mereka kurang jelas akan sesuatu perkara atau kurang mendengar ujaran yang disampaikan guru. Sungguh pun demikian, kesalahan ejaan masih berlaku. Seperti yang dijelaskan Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Sufiza Ishak (2013), interaksi lisan di dalam bilik darjah sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran cenderung mengandungi kekurangan tertentu termasuklah berlaku salah faham dalam memahami maklumat yang disampaikan. Oleh itu, keupayaan guru memilih strategi pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran sangat dituntut. Guru perlu bijak memilih pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai kerana kesan pengajaran bergantung kepada pengolahan semua elemen yang digunakan oleh guru, yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif, dan seterusnya dapat berkomunikasi dengan berkesan. Keadaan ini berkait dengan pandangan Awang Sariyan dan Abdul Rasid Jamian (2021), iaitu supaya pendidik dapat membuat pertimbangan wajar dalam memilih pendekatan, kaedah, teknik yang sesuai yang melatari pendidikan bahasa. Kesimpulannya, pendidik berperanan menentukan kejayaan murid-murid berdasarkan kesesuaian pedagogi yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kesimpulan

Rumusannya, dasar penggunaan sebutan baku di institusi pendidikan telah dilaksanakan lebih daripada tempoh sepuluh tahun. Oleh itu, tumpuan perlu difokuskan untuk menilai tahap amalan sebenar sebutan baku di institusi tersebut termasuklah di sekolah memandangkan ia merupakan sebuah institusi berbentuk formal dan rasmi. Sejajar dengan keadaan tersebut, budaya penggunaan bahasa Melayu tinggi perlu diteguhkan dalam komunikasi oleh para guru yang kemudiannya akan mendidik dan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid. Hal yang demikian kerana bahasa Melayu tinggi merupakan bahasa yang mematuhi hukum nahu bahasa Melayu dengan rapi selain mematuhi hukum budi bahasa dan budaya masyarakat Melayu khususnya. Oleh itu, komunikasi yang betul, tepat, gramatis dan berkesan kemudiannya akan mempengaruhi input yang bakal diterima oleh murid. Jelaslah bahawa hasil dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan untuk membuka mata semua pihak agar sama-sama menggembleng usaha dan tenaga memperkasakan bahasa Melayu dari semua aspek termasuklah dari segi lisan bahkan tulisan. Kemahiran-kemahiran berbahasa juga perlu diterapkan secara efektif supaya kemahiran menulis, mendengar dan bertutur tidak hanya diguna pakai untuk lulus peperiksaan dan pentaksiran semata-mata, namun pada masa yang sama dapat melahirkan modal insan yang mampu menggunakan bahasa dengan betul dan bersesuaian mengikut situasi dan konteks sesuatu keadaan.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas pengurniaan Geran Penyelidikan Universiti Fundamental 2019 (GPUF) bagi melaksanakan penyelidikan ini. Penulisan ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan GPUF 2019-0198-106-01 bertajuk *Analisis Fonologi Generatif dalam Kemahiran Sosiofonologi Guru dan Kaitannya dengan Kesalahan Ejaan Murid*.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian et al. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM*, Vol. 3, Bil.1, 42-51.
- Ahmad Omar. (2006). Sebutan bahasa Melayu baku dalam kalangan penutur: Satu kajian kes. *Disertasi Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjong Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Omar (1995). Rekonstruksi fonologi bahasa Melayu induk. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1999). Bahasa standard, dialek dan dialek-antara: Beberapa persoalan teoretis. *Journal of Modern Languages*, Vol. 12, No. 1, 1-18.
- Asmah Omar (2006). Panduan wacana akademik: Teori dan penerapan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (2010). *Kajian dan perkembangan bahasa Melayu. Edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan & Abdul Rasid Jamian (2021). Naratif abadi dalam pengajian dan pendidikan Bahasa. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. Jil.12 (1), Feature Article. 1-12.
- Darwis Harahap (1989). *Peristiwa bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1), 74-84.
- Hanita Mohd Yusoff & Norzaini Azman (2018). Pencapaian akademik murid lelaki dan perempuan: Peranan sokongan pembelajaran dan keterlibatan murid. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, Vol. 15, No. 2, 257-287.
- Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin & Khairul Azam Bahari (2018). Upaya berbahasa Melayu tinggi dan berbudaya (BMTB) dari sudut morfo-fonetik dan sosiolinguistik dalam kalangan guru pelatih. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, Vol. 2, No. 8, 153-161.

- Hyman, L. M. (1975). *Phonology: Theory and analysis*. United State of America: University of Southern California.
- Idris Aman & Shahidi Abd. Hamid (2001). Variasi sosial sebutan bahasa Melayu: Kajian sosiofonologi di sekolah. *Jurnal Bahasa, Jil 1, Bil. 4*, 466-482.
- Indhumathy Munusamy (2013). *Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar peralihan di tiga buah sekolah di daerah Skudai*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mashetoh Abd. Mutalib (2014) Budaya berbahasa lisan dalam kata penegas daripada perspektif sosial. *Jurnal Linguistik Vol. 18(2)*, 47-55.
- Pedoman Umum sebutan baku bahasa Melayu* (1988). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rendy Aditya. (2017). Kesalahan berbahasa dalam karangan deskripsi berbahasa Mandarin mahasiswa Prodi Pendidikan Bahasa Mandarin. *Jurnal Ilmiah Bahasa Sastra dan Pembelajarannya (Paramasastra), Vol. 4, Bil. 1*, 128-145.
- Rozana Jaafar (2020). Strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis dalam kalangan pelajar etnik Cina dan India ketika belajar bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) Vol. 10, Bil. 1*, 64-76.